



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 36 RABU 6 SEPTEMBER, 1967. 1387 رابو ۱ جمادی للاخیر PERCHUMA

PERLU-NYA TOLAK ANSOR DALAM KESATUAN SEKERJA BERJUANG BUKAN UNTOK ANGGOTA2 SAJA

BANDAR BRUNEI — Pesurohjaya Buroh, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim pada hari Ahad yang lalu telah menerangkan satu persatu tentang dasar atau prinsip yang menguasai mana2 kesatuan sa-kerja.

Kata-nya, bagi sesuatu kesatuan menchapai kejayaan ia-nya mestilah bekerjasama dan bertolak anstor.

Pesurohjaya itu berkata demikian ketika beruchap dalam Mashuarat Agong Tahunan kali yang ke-4, bagi Kesatuan Sekerja Jabatan Perubatan dan Kesihatan yang telah berlangsung di-Bandar Brunei.

Beliau menasihatkan kesatuan2 sekerja supaya mengambil tindakan2 yang bertanggong jawab guna menguatkan dan memperbaiki kedudukan mereka.

Pesurohjaya itu mengingatkan bahawa kesatuan sekerja

dari kerumitan2 yang di-kemukakan oleh kesatuan.

Walau pun semua kesulitan2 itu maseh belum di-penohkan, anggota2 hendak-lah berpuas hati juga kerana dapat menikmati sa-tengah2 dari faedah2 yang telah di-perolehi hasil dari perjuangan kesatuan mereka.

Pengiran Bahar telah melahirkan harapan bahawa kesatuan itu akan bertambah kuat dari sa-hari ka-sa-hari dan dapat bekerjasama dengan kerajaan untok memajukan negara.

RANCHANGAN2 KERAJAAN

Kata-nya, Kerajaan mempunyai beberapa buah ranchangan dan projek2 yang penting untok di-jayakan yang akan menelan belanja berjuta2 ringgit.

Tetapi oleh kerana buroh tempatan tidak mudah di-dapati, maka ada-lah mustahak bagi majikan2 dan pemborong2 membawa masok dari luar negeri pekerja2 yang mahir dan sa-paroh mahir untok melaksanakan ranchangan2 dan projek2 itu dengan jaya-nya.

Beliau yang selanjutnya menyatakan di-antara projek2 perkembangan yang sedang dilaksanakan sekarang oleh Kerajaan ia-lah pembinaan sekolah2 pertukangan bagi negeri ini.

BEKERJASAMA

Sekolah2 itu di-bentok khusus untuk memberikan latihan dan mendapatkan kemahiran sa-chara praktikal dalam berbagai2 bidang pertukangan kapada belia2 tempatan.

Yang Berhormat Penulong Menteri Kesihatan, Pehin Ben-dahari China, Awang Hong Kok Tin dalam uchapan-nya



Pengiran Bahar

tehah menasihatkan ahli2 kesatuan itu supaya menghapuskan perasaan berpechah belah dan hendak-lah memberikan buah2 fikiran yang berguna untok kebaikan kesatuan dan mengharumkan nama baik Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

Beliau menekankan bahawa kesatuan yang sehat ia-lah kesatuan yang sentiasa mahu bekerjasama dengan pehak Kerajaan untok kebaikan bersama dengan fikiran2 yang sehat dan berfaedah.

Yang Berhormat Awg. Hong Kok Tin juga di-samping menyatakan projek2 pembinaan rumah2 sakit yang moden di-Bandar Brunei, Kuala Belait dan Tutong telah menyatakan tentang kemajuan2 pekerja-nya.

Kata-nya, kemajuan2 pekerja2, dermasiswa2, kenaikan pangkat dan kenaikan gaji pekerja2 Perubatan dan Kesihatan.

Beliau menyeru pekerja2 di-jabatan itu supaya melaksanakan tugas2 mereka dengan kerjasama dan saling mengerti antara satu sama lain.

**Seri Paduka
Duli Pengiran
Muda Mahkota
berangkat
ka-London
besok**

BANDAR BRUNEI — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiyah di-jadualkan akan berangkat meninggalkan Brunei ka-London pada 7 September (besok).

Kapal terbang Yang Teramat Mulia itu di-jadualkan meninggalkan lapangan terbang Berakas pada pukul 12-00 tengah hari.

Ahli2 majlis Mashuarat Di-Raja, Majlis Mashuarat Negeri dan Daerah, Ketua2 Jabatan dan Pegawai2 Pentadbiran Brunei ada-lah di-kehendaki hadir di-lapangan terbang pada pukul 11-30 pagi untuk menguchapkan selamat jalan kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiyah.

Pada hari Ahad yang lalu dengan di-iringi oleh Pehin2 dan Menteri2 Ugama, Yang Teramat Mulia itu telah melewati makam Di-Raja di-Luba.

Ada-lah menjadi adat bagi anggota2 keluarga Di-Raja berkunjung ka-makam Di-Raja sa-belum berangkat ke-seberang laut.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamad Bolkiyah kembali ka-tanah ayer pada 30 Julai kerana chuti pendek dan sa-terus-nya menyaksikan Istiadat Perkahwinan adinda mereka, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'a'in dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof.



Y.B. Awg. Hong Kok Tin

bukan-lah di-ujudkan hanya semata2 untok memperjuangkan hak2 para anggota-nya.

"Kesatuan2 sekerja hendak-lah juga menggesa anggota2-nya supaya menyertai sa-penoh2-nya dalam usaha2 yang ada kaitan-nya dengan kebajikan dan kesentosaan masharat.

Menyentoh tentang Kesatuan Sekerja Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Pesurohjaya itu menyatakan, Kerajaan telah pun memperbaiki sa-tengah2

Pendaftaran kerana tunaikan fardhu haji tahun depan di-buka semula

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Ugama telah membuka semula pendaftaran bagi orang2 Islam yang ingin menuaikan fardhu Haji dalam musim haji yang akan datang.

Pendaftaran telah di-tutup pada 30 Jun lalu, apabila 379 orang Islam mengemukakan permohonan untuk menunaikan haji.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, tarikh penutupan baru itu telah di-putuskan oleh Pegawai Urusan Haji Malaysia.

Beliau meminta orang2 Islam yang ingin hendak menziarahi Mekah pada tahun depan tetapi tidak mendaftarkan diri-nya hingga pada 30 Jun yang lalu, supaya mengemukakan permohonan mereka sebelum 11 September.

Haji Md. Zain balek dari kunjongan ka-S'pura dan Malaya

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Kadhi Besar Brunei, Awang Haji Mohammad Zain bin Haji Serudin telah kembali ke-tanah ayer minggu lepas setelah mengadakan kunjungan sambil belajar ka-Singapura dan Malaysia Barat.

Beliau berlepas ka-Singapura dalam bulan Jun lalu.

Se-panjang beliau berada di Malaysia Barat, Pemangku Kadhi Besar itu telah melawat Kelantan, Perak, Selangor dan Johore untuk memerhatikan chara Jabatan Hal Ehwal Ugama negeri2 itu mentadbirkan hukum2 Islam.

TAMBATAN KECHIL UNTOK MENGURANGKAN KEADAAN PENOH SESAK DI-TEBING

BANDAR BRUNEI. — Orang2 yang berulang aleg dari Kampong Ayer ka-bandar tidak lama lagi akan dapat menggunakan sa-buah tambatan baru di-mana motobot2 dan perahu2 mereka dapat di-tinggalkan ketika mereka pergi bekerja di-darat.


Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar berkata, kerja2 pembinaan tambatan baru itu telah di-mulakan dan akan siap tidak beberapa lama lagi.

Ia-nya terletak di-tebing sa-belah utara Sungai Brunei kira2 100 kaki ka-ulu tambatan Kastam atau lebeh di-kenal dengan "tebing penjual2 ikan".

Apabila siap kelak, tambatan baru itu akan mengurangkan keadaan penoh sesak di-tambatan Kastam yang kebanyakannya dari motobot2 dari Kampong Ayer menurun atau menaikkan penumpang2.

Awang Ali berkata, tambatan baru itu dibina sa-bagai sa-bahagian dari projek memperbaiki tambatan Kastam itu.

Kerja2 pembinaan itu di-jalankan di-bawah penyeliaan Pesurohjaya Kemajuan.



PENUNTUT2 BRUNEI DI-U.K. ANJORKAN MAJLIS RA'IKAN PENGANTIN DI-RAJA

BANDAR BRUNEI. — Pelajar2 Persatuan2 Brunei di-United Kingdom yang sedang berchuti di-tanah ayer, telah mengadakan satu majlis jamuan kerana mera'ikan mempelai Di-Raja Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri N... dan Yang Amat Mulia Iman Anak Mohammad Yusof di-Dewan Bangunan P...tuan Guru2 Melayu Brunei baru2 ini.

Ketika beruchap kerana membalaik uchapan tahniah dari persatuan penuntut2 itu, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof bagi diri dan isteri-nya, telah melahirkan uchapan terima kaseh, dan perasaan gembira kerana beliau berdua dapat mengha-

dhiri majlis, yang di-adakan oleh rakan2-nya dari gulungan penuntut.

Sa-lain dari itu beliau juga telah menyentoh tentang mak-sud penuntut2 yang belajar di-Britain, kerana meninggikan ilmu pengetahuan sa-bagai menrek perhatian para ibu bapa mereka, yang turut hadir dalam majlis jamuan malam itu.

Turut menghadiri di-majlis itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bol-kiah, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha, ahli2 Kerabat Di-Raja, Yang Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof dan Yang Berhormat Penulong2 Menteri.

Dua buah gambar di atas ia-lah menunjukkan tambatan yang baru dibina itu yang maseh lagi dalam kerja2 menyiapkan-nya. Walau pun tambatan ini belum lagi siap, tetapi motobot2 dan perahu2 telah pun di-tambatkan di-sana seperti yang dapat di-lihat dalam gambar di atas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 6 Sept., 1967 hingga ka-hari Selasa 12 Sept., 1967 adalah seperti bi-bawah ini:

| Hari | Bulan | Dzohor | Asar | Magrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|----------|-------|--------|------|--------|------|-------|-------|-----------------|
| 6 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 | |
| 7 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 | |
| 8 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 | |
| 9 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 | |
| 10 Sept. | 12-23 | 3-39 | 6-28 | 7-40 | 4-40 | 4-55 | 6-12 | |
| 11 Sept. | 12-23 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 | |
| 12 Sept. | 12-23 | 3-38 | 6-26 | 7-39 | 4-39 | 4-54 | 6-11 | |

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

LANGKAH MENGHEBATKAN PENANAMAN PADI

TANAH SERASA DI-BUKA

BANDAR BRUNEI — Jabatan Pertanian akan memperhebatkan penyiasatan-nya ka-atas kawasan2 yang di-fikirkan sesuai untuk menanam padi sawah dalam masa satu atau dua tahun yang akan datang untuk menambahkan lagi hasil pengeluaran beras di-negeri ini.

Dengan bertambahnya tanah2 yang di-buka untuk penanaman padi, jabatan pertanian berharap akan dapat mengatasi masa'alah Brunei yang sa-mata2 bergantong kapada beras yang di-bawa masuk dari luar negeri yang semakin bertambah dari sa-hari ka-sahari.

Jabatan itu berharap bahawa hasil pengeluaran tiap2 satu ekar akan dapat di-tambah bukan sahaja dengan menggunakan baja tetapi juga dengan menggunakan bahan2 padi dari jenis yang mengeluarkan hasil yang banyak, di-sertai pula dengan amalan2 pertanian yang lebih baik.

Lima tahun yang lalu, Brunei mengimpor 60% dari keperluan beras-nya dan pada tahun lalu sa-banyak 80%.

Angka ini mungkin meningkat lagi pada tahun ini dengan bertambahnya penduduk2 negeri ini.

Sementara itu, kerja ber-gotong royong kerana pemulihhan sa-bidang sawah seluas kira2 30 ekar yang terbiar di-Kampung Serasa, daerah Muara telah di-mulakan minggu lalu dengan di-ketuai oleh Awang Ali bin Ahmad, sa-orang ahli majlis mashuarat daerah Brunei dan Muara.

Tanah sawah itu terbiar sa-lama lapan tahun, dan menjadi keras akibat sistem tali ayer yang terbiar.

Sa-telah memulakan kerja2 untuk memulehkan sawah itu dengan menghayunkan changkol, Awang Ali telah memo-honkan sa-buah jentera mem-bajak yang di-pinjamkan ka-pada peladang2, untuk menyempurnakan kerja2 itu.

Jentera jenis "Fergusson" telah di-perlukan kerana mem-percepatkan kerja menyedia-kan tanah untuk mengubah.

Pehak berkuasa Daerah Brunei dan Muara telah mene-tapkan masa pertengahan bulan September, sa-bagai tarikh terakhir untuk memulakan kerja2 mengubah.

Awang Ali berkata, sa-lain dari kawasan ladang sawah di-Serasa, orang2 kam-pung akan juga memulehkan sa-bidang lagi sawah sa-luas 60 ekar dekat Kampong Kapok, kerana tanah di-situ juga terbiar sa-lama lapan tahun.

Jentera pembajak jenis "Fer-gusson" juga akan di-gunakan untuk menyempurnakan sawah di-Kampong Kapok itu.

Awang Suhaimi bin Haji Ismail, sa-orang penulung pe-gawai pertanian berkata, ba-hawa jentera pembajak itu di-pinjamkan kapada peladang2 dengan bayaran yang rendah, ia-itu \$20 bagi tiap2 satu ekar, dan ia-nya di-selenggarakan oleh Jabatan Pertanian, gaji juga di-bayar kapada pe-mandu-nya.



Gambar atas menunjukkan jentera pembajak jenis "Fergusson" yang telah di-perlukan kerana mempercepatkan kerja2 memberesahkan tanah yang baru di-buka itu. Jentera itu terlebih dahulu di-tunjukkan kapada penduduk2 kampong di-situ.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAN TRENGKAS MELAYU DAN MENAIP

BANDAR BRUNEI — Trengkas Melayu Institute Malaysia telah menerbitkan keputusan pepereksaan2 yang telah di-adakan dalam bulan Jun bagi chalun2 di-Brunei.

Institute tersebut telah menguruskan pepereksaan2 dalam trengkas Melayu dan menaip.

Lima orang chalun telah berjaya dalam pepereksaan me-naip peringkat tertinggi, 10 di-peringkat menengah dan 8 da-lam peringkat permulaan.

Dari 8 orang chalun yang memasuki pepereksaan Trengkas Melayu bagi peringkat permulaan, empat orang telah ber-jaya.

Keputusan sa-penoh-nya ada-lah saperti berikut:

BAHAGIAN MENAIP PE-RINGKAT TERTINGGI:

Dk. Hairanji bte. Pgn. Muda Kahar, Dk. Rosnah bte. Pgn. Bakar, A. Muhammad b. H. Tudin, Tuah bin Metussin dan Othman bin Damit.

BAHAGIAN MENAIP PE-RINGKAT MENENGAH:

Dy. Zarina bte. Shariff, Dy. Mariam bte. Mohd. Ali, Dy. Rosnah bte. Mohd. Said,

Awg. Abdul Hamid bin Simpul, Ak. Ismail b. Pgn. Hidup, Awg. Sani b. Omar, Awg. Ali Hassan bin Hitam, Awg. Metussin bin Ahmad, Ak. Muhammad b. Pgn. Sar-pudin, dan Awg. Ahmad b. Haji Metassan.

BAHAGIAN MENAIP PE-RINGKAT PERMULA-AN: Dy. Safiah bte. Haji Khalidi, Dy. Norimah bte. Abdullah, Dk. Aminah bte. Pgn. Ghani, Awg. Damit b. Muda, Ak. Sabudin b. Pgn. Sapudin, Awang bin Ahmad, Awg. Zaman b. Ladis dan Awg. Ibrahim bin Yusof.

BAHAGIAN TRENGKAS PE-RINGKAT PERMUL-AAN: Aw. Idris b. Abas, Awg. Mohammad Taib b. Awg. Yahya, Dy. Rahmah bte. Pungut dan Awg. Emran b. Abd. Halim.

Lukisan dinding untuk DBP sedang di-pasang

BANDAR BRUNEI — Lukisan dinding di-perbuat dari kepingan2 kacha yang berwarna warni bagi kegunaan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, telah tiba dan kerja2 mema-sang-nya sudah pun di-mula-kan.

Lukisan dinding yang akan menghiasi tembok luar bangun-an itu, yang mengadap ka-Jalan Elizabeth di-pesan dari sa-buah sharikat di-negeri Italy.

Ia-nya di-dasarkan kapada sa-buah lukisan ciptaan Ak. Asmali bin Pengiran Ahmad.

Ia-nya berukuran 20 kaki lebar dan 120 kaki panjang, menggambarkan seni lukis, ke-budayaan, pelajaran dan per-usahaan negeri ini.

Menurut juruchakap jabatan itu, lukisan tersebut akan siap pemasangan-nya untuk di-buka, menjelang akhir bulan September.



6 September, 1967.

MASA'ALAH PERBURIHAN

SA-SABUAH negara yang sedang membangun tentu-lah membekalkan diri-nya dengan projek pembinaan dari sa-kecil2-nya hingga kapada pembinaan yang boleh di-katakan sa-bagai menchakar langit. Hal ini bukan hanya sedang dalam proses pelaksanaan-nya di-Brunei, bahkan memang terjadi dan jelas di-lihat di-negara2 yang sudah pun mencapai kemajuan-nya dan lebuh dekat ialah di-negara2 jiran kita seperti Malaysia dan Singapura.

Sa-chara kasar, pelaksanaan pembinaan bangunan2 yang besar dan tinggi di-Brunei bukanlah hanya sa-kadar mahu mengelokkan negara kita atau memegah2kan Brunei ka-mata dunia, tetapi juga sa-chara tidak di-sedari ia-nya ada-lah satu jurusan yang boleh menambahkan hasil pendapatan Brunei, walau pun tidak sa-besar dari hasil yang di-dapat oleh penghasilan minyak-nya.

Tetapi, apakah pembinaan2 yang di-ranchangkan itu tidak pernah menghadapi sa-barang masa'alah yang boleh di-katakan berat. Masa'alah yang dikatakan berat itu ia-lah tentang mendapatkan buroh2 yang akan menyempurnakan pembinaan2 itu.

Tenaga buruh ada-lah tenaga utama dan lebuh banyak di-kehendaki bagi melaksanakan pembinaan2 itu, bukan saja buroh2 yang mempunyai kemahiran atau separoh mahir, bahkan juga buroh2 kasar adala-lebuh di-kehendaki.

Sa-benar-nya, pemburong yang mengusahakan pembinaan2 itu ada-lah di-kehendaki supaya lebuh mengutamakan buroh2 tempatan, kerana Kera-juan ada-lah bertujuan untuk memberi peluang sa-luas2-nya kepada anak negeri ini, bukan hanya dalam masa'alah perburuhan bahkan juga dalam lapangan2 yang lain.

Tetapi malang-nya, buroh2 tempatan telah di-dapat ramai yang menolak tawaran2 Kera-juan untuk menjadi buroh dalam satu2 sharikat pemberong, kerana sa-bilangan mereka terlebih dahulu menghalakan chorak pekerjaan yang mereka kehendaki itu.

Dengan timbul-nya masa'alah ini, maka terpaksa-lah pehak Kerajaan membenarkan permo-honan2 dari pemberong2 bagi membawa masuk buroh2 yang di-bawa dari luar negeri demi untuk melaksanakan projek2 pembangunan itu.

Demikian-lah yang di-nyatakan oleh Pesurohjaya Buroh, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim tentang sa-bahagian dari masa'alah perburuhan di-Brunei.

Pesurohjaya Buroh itu telah menyatakan dukachita-nya atas sikap ini dan beliau menujukan seruan khas kepada penduduk2 tempatan supaya memikirkan sa-dalam2-nya dan menasihati kan agar mereka menerima tawaran2 pekerjaan yang di-berikan itu.

"Dengan ini dapat-lah kita mengurangkan sedikit demi sedikit buroh2 yang di-datangkan dari luar negeri sa-bagaimana yang kita saksikan pada masa ini".

AMANAT Y.T.M. DULI PENGIRAN MUDA MAHKOTA KAPADA BELIA2 TANAH AYER

PADA 27 Ogos, 1967, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah melaksanakan upacara meletakkan Batu Asas bagi bangunan Pusat Belia yang di-jadualkan siap pembinaan-nya dalam tahun 1969.

Dalam uchapan sa-beliaum melaksanakan upacara Yang Teramat Mulia telah menyampaikan amanat yang harus di-teliti dan di-fahami oleh seluruh anggota2 belia terhadap landasan2 perjuangan yang harus di-lalui oleh mereka bagi menupu semangat chinta kapada keamanan, kema'amoran dan kesejahteraan dalam hidup bermasharakat yang ber-akhlik dan mempunyai peribadi yang tulin dan tersendiri.

Berikut ia-lah uchapan Yang Teramat Mulia itu di-upacara meletakkan Batu Asas tersebut dan di-siarkan juga do'a belia yang di-sampaikan oleh Awang Abdul Saman bin Kahar:

TERLEBEH dahulu saya menguchapkan shukor ka-hadhrat Allah yang Maha Pengaseh lagi Penyayang, dan menguchapkan Selawat ka-atas Junjongan kita Nabi Moham-mad s.a.w., atas limpah kurnia serta taufik dan hidayah-nya, dan memberikan berkat yang tidak kunjung padam, lebuh2 lagi dalam majlis yang bersejarah dan bernilai, dan membolehkan saya pada pagi ini berpeluang bersama2 dengan pengiran2, tuan2 dan puan2 para hadhirin dan hadhirat sekalian berkumpul dalam istiadat yang menandakan satu lagi asas kemajuan dan perkembangan terhadap negeri kita Brunei Darul Salam yang kita chintai ini.

Lebuh2 lagi atas peluang ka-emasan yang telah di-berikan kapada saya, bukan hanya untuk beruchap di-hadapan tuan2 dan puan2, bahkan juga nanti akan berkesempatan melangsungkan istiadat perletakan Batu Asas bagi bangunan Pusat Belia Brunei yang akan merupakan sa-buah bangun-an yang ulung lagi indah di-negara kita ini.

Atas penghargaan dan kesem-patan yang telah di-berikan kapada diri saya ini, saya dengan rasa gembira dan tulus ikhlas menguchapkan sa-banyak2 terima kaseh kapada pehak Jabatan Kebajikan Masharakat Negara, yang bertanggung jawab terhadap Pusat Belia ini, dan saya menguchapkan ber-banyak2 shukor juu kapada Allah Subhanahu Wa-Ta'alā yang men-chipta alam sa-mesta yang penoh dengan aneka chorak penghidupan ini.

Sa-bagi sa-orang pemuda, yang juga berjiwa dan bersemangat belia, kebagaimaan saya pada hari yang

gemilang dan bersejarah bagi diri saya ini ada-lah memunchak.

Saya berasa terharu, dan saya merasai diri saya benar2 ada-lah juga sa-bahagian dari saudara2 dan saudari2 pemimpin2 Belia Brunei yang berjiwa besar, berjiwa kemajuan, dengan penoh semangat, yang chinta kapada keamanan, kema'amoran dan kesejahteraan dalam hidup bermasharakat yang berakhlik dan mempunyai peri-ka-kas2 yang sa-mesti-nya ada untuk bangunan yang sa-demikian.

Sa-bagaimana kita bersama2 telah di-fahamkan, bahawa ura2 Kerajaan untuk mendirikan bangun-an Pusat Belia ini sudah pun lama dan sa-patut-nya telah pun sudah siap untuk dapat di-guna-kan sekangkang.

Tetapi, sa-belum sa-suatu itu dapat di-peraktikan, berbagai-perkara yang berkaitan dengan-nya terpaksa di-kaji di-teliti dan di-tinjau terlebih dahulu dengan sa-jauh2-nya, agar segala urusan dan kerja2 akan berjalan dengan lancar dan jaya serta dengan sempurna, untuk benar2 mendatangkan faedah bukan hanya kapada sa-bahagian kecil masharakat bahkan juga meliputi sa-bagaimana maksud tujuan pokok, untuk mengatasi dan mem-beri kemudahan2 kapada seluruh Belia2 'am-nya.

Demikian-lah hal-nya terhadap bangunan Pusat Belia kita ini, telah menemui berbagai2 kesulitan teknikal yang terpaksa di-atasi terlebih dahulu sa-belum ia-nya benar2 mulai di-bena.

Biar lambat asal selamat, kata orang2 tua kita.

Sa-belum pandai berjalan kita hendak-lah pandai berdiri terlebih dahulu dengan tegas dan kukuh.

Demikian-lah sa-tiap yang kita usahakan dengan chukup teliti dan penoh kesabaran itu insha Allah akan mendapat berkat, dan akhirnya akan menemui kejayaan yang benar2 memberi erti.

Dengan perletakan Batu Asas Pusat Belia hari ini, sudah pasti dan jelas bangunan ini akan dapat



Yang Teramat Mulia Seri Pa-duka Duli Pengiran Muda Mahkota

di-siapkan pembenan-nya sa-lewat2-nya dalam awal tahun 1969, dengan izin Allah.

Bangunan ini ada-lah akan me-rupakan sa-buah bangunan dua tingkat yang mengandungi ber-bagi2 kemudahan untuk menam-pung kepincangan2 yang sekarang ada terdapat di-kalangan Belia2 kita. Bangunan ini nanti akan menelan belanja tidak kurang dari dua juta ringgit, tidak termasuk perbelanjaan2 perabut dan per-kakas2 yang sa-mesti-nya ada untuk bangunan yang sa-demikian.


Memahami akan kelengkapan2 dan kemudahan2 yang akan ter-dapat dalam bangunan ini, saya amat tertarek hati dan berasa lega, kerana dengan ada-nya sa-buah bangunan ini nanti sudah tentu saudara2 dan saudari2 para pemimpin Belia sekalian akan dapat melaksanakan lagi banyak projek2 dan kerja2 kebajikan sa-bagaimana ada terchatek dalam undang2 per-satuuan2 dan pertubuhan2 masing2, yang ada keselurohannya untuk menghidup, mempertinggi dan me-ngembangkan kesenian dan kebu-dayaan bangsa kita; serta mem-berikan kerjasama yang lebuh rapat dan erat kapada chita2 Kerajaan bagi membentera buta huruf atau meninggikan ilmu pengetahuan, khusus-nya memperbaiki taraf hidup masharakat kita. Sa-lain dari itu bangunan ini nanti akan melambangkan keagongan para Belia negeri ini yang benar2 sedar akan tanggong jawab sa-bagai sa-bahagian ra'ayat yang penoh chinta kapada negeri-nya.

Dalam istiadat yang bersejarah ini izinkan-lah saya menyeru ka-pada para belia yang berjiwa besar supaya menumpukan segala daya-usaha dan tenaga untuk membuat kerja2 kebajikan itu dengan di-durong oleh niat yang suchi dan kerana Allah.

Berkhidmat-lah kapada masharakat dengan tidak mengira atau mengenal bosan, dan andai-nya ada terdapat apa juu bentok rentangan maka dengan kerjasama dan tolak an-sor sa-sama sendiri, saya percha-y segala yang susah dan sukar itu akan tetap dapat di-atasi oleh kita para Belia. Begitu-lah sifat dan semangat Belia yang sentiasa ber-usaha dan menchari jalan untuk mengabdikan diri demi kepenting-an dan keharmonian bukan saja terhadap masharakat-nya, bangsanya, lebuh2 lagi terhadap negara dan kesucian Umgama-nya serta menegakkan kebenaran di-sisi undang2 dan Kerajaan yang halal.

Akhir-nya mari-lah kita bersama2 berharap dan berdo'a mu-dah2an dengan berlangsungnya perletakan Batu Asas bangunan Pusat Belia, hari ini, akan mem-bawa kita ka-arah zaman yang serba baru yang penoh dengan kegemilangan. Maka akan terdiri-lah sa-buah bangunan kebanggaan para Belia Brunei untuk berdiri tegak atas landasan perpaduan, persahaman dan persahabatan yang tidak mungkin dapat di-pecahbelahkan walau oleh apa sa-kali pun.

(Lihat muka 5)



Bangunan Pusat Belia

DO'A BELIA

(Dari muka 4)

BISMILLAHIR

RAHMANIR RAHIM

Al-hamduillahi Rabbil Alamin,
Wassalatu Wassalamu Ala Ashraf
Ambyai Walmursalin, Sayyidena
Muhammadan Wa Alihi Wa Sahibih Ajmain.

Wahai Tuhan kami, beri-lah salawat dan salam ka-atas nabi besar Muhammad; chuchorkanlah rahmat dan limpah kurnia kapada Baginda Maulana Al-Sultan serta kerabat; dan anugrahkanlah keam-punan kapada kaum muslimin dan muslimat.

Wahai Tuhan kami, dengan harapan yang sunggoh2 kami Belia2 Brunei, memohon petunjuk dan hidayah darimu.

Wahai Tuhan kami, dengan se-gala keinsisan dan rasa tanggong jawab kami para Belia, menyedari kewajipan kami yang berat terhadap umaga, bangsa dan negara. Tuhan: Padamu-lah kami memu-hon kesungguhan dan bimbining kearah jalan yang kau ridhai dan terima.

Wahai Tuhan kami, dengan hasrat yang tegoh dan azam yang kukuh kami para Belia, ingin meruskan segala chita2 kami sebagai tenaga2 pembangun di-zaman kemajuan ini. Tuhan: Padamu-lah kami memohon kekuatan dan pem-daman agar kami tidak tergelinchir dalam pergerakan yang suci ini.

Wahai Tuhan kami, dalam per-himpunan di-hari yang bersejarah ini kami Belia2 Brunei memu-hon keberkatan dan keridhaannmu untuk bangunan yan kami bina ini. Jadikanlah ia benar2 sa-bagai Pusat gerakan kami untuk melan-charkan segala usaha dan derma durong yang akan menentukan bakti. Jadikanlah ia sa-bagai pen-durong yang akan menentukan kejayaan kami para Belia di-masa2 hadapan. Tuhan: Padamu-lah kami memohon untuk menyelamatkan perpaduan kami. Padamu-lah kami memohon untuk melindungi Pertubuhan2 Belia Brunei dari segala kehancuran dan angkara yang boleh merosakkan chita2 kami yang murni.

Tuhan: Kabulkanlah do'a dan permohonan kami ini.

Rabbana Atina Fiddunia Hasa-nah Wa Fil Akhirati Hasanah Wa-qina Azabannar. Subhanakalla-humma tahiyyatuhum fiha salam Wa Akhiru daawahum anil ham-dulillahi rabbil alamin.

28 orang masoki peperekesan H.S.C.

BANDAR BRUNEI — Dua puluh limapan orang chalun akan menjalani peperekesan Sijil Sekolah Tinggi di-Brunei dalam tahun ini.

Setiausaha Peperekesan, Awang Kifli Bujang berkata, 12 orang adalah chalun private termasok dua orang perempuan dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei.

Chalun2 itu akan menjalani pe-perekesan itu di-dua buah pusat, Maktab SOAS di-Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Dua orang chalun private itu akan menjalani peperekesan di-Seria.

Sa-belum dari itu, Awang Kifli mengumumkan bahawa 456 orang chalun akan menjalani peperekesa-an Senior Cambridge.

Maktab SOAS akan mengemukakan bilangan chalun yang ter-besar sekali ia-itu sa-ramai 151 orang dan Sekolah St. Angela yang pada tahun lepas telah mencapai peratus yang tertinggi akan menge-mukakan 31 orang chalun dalam tahun ini.

MUSIM MENANAM PADI DI-SELUROH NEGERI

oleh: Hamdan Idris

PENANAM2 padi di-seluroh negeri sedang memperhebatkan kerja untuk menyiapkan tanah bagi penyemaian dan mengubah anak padi dalam bulan ini.

Penanam2 padi tugal telah memberesahkan tanah mereka dari belukar yang telah tumbuh sejak usaha menuai yang lalu selesai dengan memerun batang2 kayu kering pohon2 kecil dan daun untuk menyuborkan tanah itu.

Menurut arahan dari pehak berkuasa daerah, bidang2 tanah untuk padi tugal mestilah di-sediakan bagi di-semai dalam minggu ini.

Padi tugal ada-lah di-tanam dalam kawasan2 yang tidak di-dapati tanah2 yang sesuai untuk di-jadikan sawah.

Kira2 2,600 ekar tanah ada-lah di-tanam dengan padi tugal sa-tiap tahun, dan ini mengha-silkan pukul rata sa-banyak kira2 160 gantang bagi tiap2 satu ekar.

Penanam2 padi sawah ma-

seh mempunyai masa hingga akhir bulan September untuk menyediakan sawah kerana mengubah anak2 padi dari semai-an yang telah mereka ta-nam pada bulan lalu.

Luasnya kawasan tanah yang di-usahakan oleh pelan-dang2 untuk menanam padi sawah ada-lah hampir empat ribu ekar.

Hasil dari padi sawah ada-lah lebih banyak dari padi tugal ia-itu pukul rata kira2 224 bagi sa-tiap satu ekar.

Jumlah hasil padi sawah dan

padi tugal, sa-banyak kira2 satu juta gantang sa-tahun ada-lah menchukopi untuk makan-an hanya kira2 20 peratus dari penduduk2 negeri ini yang ber-jumlah lebih sedikit dari sa-tu ribu orang.

Brunei sangat2 bergantong kapada beras yang di-impot dari luar untuk makanan pen-duduk-nya yang kian bertambah dan di-bawah satu perjan-jian dengan pehak berkuasa Thai. Kerajaan mengimpot lapan ribu tan beras sa-tahun sa-chara langsung dari Bang-kok.

Kerajaan berharap akan dapat mengatasi keadaan yang semakin bergantong kapada beras yang di-impot dari luar itu dan telah pun meluluskan ranchangan bantuan baja un-tuk menambahkan hasil penge-luaran sawah2 yang ada se-karang.



Gambar atas menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof (memakai baju Melayu Puteh) dan isteri-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain (di-sabelah kanan beliau) ketika sama2 menadah tangan dalam mengikuti do'a di-majlis keshukoran yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal-Ehwal Ugama. Dalam gambar ini juga kelihatan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota (memakai kot hitam), Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha (No. 3 dari kanan), dan di-kanan sekali ia-lah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masna.

MAJLIS KESHUKORAN DI-SULAMI DENGAN PANTUN.

BANDAR BRUNEI—Suasana berbalas2 pantun telah menyelubungi Majlis Keshukoran bagi mengucapkan selamat ka-atas Pengantin Baru Di-Raja yang di-anjorkan oleh Pegawai2 dan kakitangan Ja-batan Hal-Ehwal Ugama di-Dewan Madrasah pada Juma'at lepas.

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohammad Yusof bagi pehak isteri-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain telah mengucapkan tiga buah pantun bagi mem-balas pantun2 yang telah di-uchapkan oleh dua orang wakil Jabatan itu.

Keselurohan pantun2 Yang Amat Mulia itu ada-lah ber-kisar bagi menyatakan terima kaseh mereka dan betapa bangga dan besar hati mempelai Di-Raja itu atas sambutan ra-ayat di-sapanjang perayaan2 perkahwinan di-jalankan.

Yang Amat Mulia Pengiran

Anak Mohammad Yusof juga telah menyatakan harapan-nya supaya Pegawai2 dan Kakitangan Jabatan Hal Ehwal Ugama akan lebih memperolehi kejayaan dalam melaksanakan tugas2 yang penting baik dari segi perkembangan Ugama mahupun kemajuan Brunei di-masa hadapan.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama, Awg. Abdullah bin Metassan, orang yang pertama memberi uchapian dalam majlis itu telah menyatakan bahawa dengan kesudian pengantin baru Di-Raja itu meng-hadiri majlis tersebut, maka dapat-lah merapatkan lagi perkenalan antara kedua mereka dengan yang hadir di-majlis itu.

Beliau juga, di-samping me-nugchapkan beberapa rangkap pantun keshukoran pegawai2 dan kaki tangan Jabatan itu telah mendo'akan agar supaya kedua2 pengantin baru itu

akan hidup kekal bahagia dan memperolehi kejayaan dalam bidang pelajaran.

Bagi pehak kakitangan pe-rempuan, Dayang Aishah binte Md. Noor telah juga meng-uchapkan beberapa rangkap pantun keshukoran di-samping menyatakan kebanggaan ke-rana atas sempena perkahwinan Di-Raja itu, maka raayat jelata telah dapat menyaksikan kebudayaan Brunei lama yang di-timbulkan kembali dalam istiadat2 Di-Raja itu.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kamaluddin telah menyampaikan chenderamata dari pega-wai2 dan kakitangan Jabatan-nya kepada kedua2 pengantin baru Di-Raja itu.

Majlis telah di-akhiri dengan bachaan do'a selamat oleh Yang Di-Muliakan, Tuan Imam Haji Md. Yusof bin Pechin Seri Wangsa.

RENTAS DESA TAHUNAN ANJORAN BELIA BANDAR BRUNEI

BANDARBRUNEI. — Perlumbaan Rentas Desa tahunan bagi Daerah Brunei dan Muara, akan di-adakan pada 6 Oktober, terbuka kepada peserta lelaki dan perempuan, ia-itu yang ke-empat anjoran Belia Bandar Brunei.

Perlumbaan itu meliputi kepada bahagian2 persa-orangan, kumpulan, sekolah2, maktab2 dan persatuan2.

BAHAGIAN LELAKI DAN PEREMPUAN

Bahagian lelaki terbahagi kepada dua bahagian, ia-itu bahagian dewasa berumur 16 tahun ka-atas dan kanak2 di-bawah 16 tahun, sementara peserta perempuan berumur 12 tahun ka-atas.

BAHAGIAN PASOKAN

Perlawanan berpasokan terbuka kapada sekolah2, mak-

Perlawan hoki peringkat akhir

KUALA BELAIT — Pasukan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah seri dengan pasukan Maktab Anthony Abell dalam perlawan hoki bagi sekolah menengah perempuan yang telah di-adakan di-padang KBRC di-Kuala Belait pada hari Sabtu lepas.

Perlawan itu telah di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran untuk merebut Piala Datin Zubaidah.

Kedua sekolah itu sekarang menjadi pemegang bersama piala tersebut yang mana pada tahun lalu telah di-menangi oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri di-Bandar Brunei.

Manakala perlawan akhir dalam bahagian lelaki Pasukan Maktab Anthony Abell telah berjaya mengalahkan pasukan Maktab SOAS dengan 1 gol tidak berbalas dalam satu perlawan yang telah di-adakan di-padang KBRC pada hari Isnin lepas.

Dengan ini Maktab Anthony Abell telah berjaya memegang perisai yang di-hadiahkan oleh International Paints (O.T.C) London.

tab2, persatuan2 dan kumpulan dengan tiap2 pasukan mengandongi enam orang peserta.

Perlumbaan bahagian lelaki dewasa dan berpasokan akan berlepas dan tammat di-Padang Besar Bandar Brunei, sementara bahagian kanak2 dan perempuan akan berlepas dari sekolah Melayu Gadong dan berakhir di-Padang Besar.

BAYARAN MASOK

Bayaran memasuki perlumbaan itu ia-lah \$5.00 bagi tiap2 pasukan dan satu ringgit bagi persa-orangan.

Borang masok boleh di-dapat dari Yang Di-Pertua Belia Bandar Brunei, Awang Yahya bin Mohammad Yusof, di Pejabat Imigeresen, Bandar Brunei tidak lewat dari 28 September, 1967.

Sepak raga jaring sekolah2 Melayu dua kejayaan bagi Pusar Ulak

BANDAR BRUNEI — Pertandingan Sepak Raga Jaring bagi sekolah2 rendah menengah peringkat akhir dan sa-paroh akhir, telah di-adakan di-Maktab SOAS, Bandar Brunei, pada hari Khamis yang lalu.

Dalam perlawan peringkat akhir bagi sekolah2 rendah, Bahagian "A" Sekolah Melayu Pusar Ulak Bandar Brunei telah berjaya mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan Bangar, Temburong dengan mata 15—4 dan 15—9.

Pusar Ulak juga berjaya mengalahkan pasukan Sekolah Melayu Belais, Temburong, dalam bahagian "B", dengan mata 15—7 dan 15—12.


Pasukan Maktab SOAS mengalahkan SMMP dengan mata

18—17, 15—12 dan 15—8 dalam peringkat akhir sekolah2 menengah.

Hadiyah2 telah di-sampaikan oleh Nazir Sekolah2 Negeri Brunei, Awang Suni bin Haji Idris.

Sementara itu, pada hari Juma'at lepas pasukan Sengkarai berjaya mengalahkan pasukan 3 PTM bahagian "A", dengan tiga gol berbalas satu, dalam perlawan bola sepak daerah, kerana perayaan ulang tahun hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang ke-51.

Dalam perlawan yang berlangsung di-padang Sekolah Melayu Muda Hashim itu, pasukan Sengkarai mendahului tiga gol, dalam separoh masa pertama.



Kej2 pailing peringkat kedua bagi pembinaan bangunan Setor2 Kerajaan di-Jalan Gadong akan selesai tidak lama lagi. Bangunan yang berharga \$5½ juta itu nanti akan mengandungi tempat2 khas untuk Pejabat dan gu-dang bagi menyimpan barang2 keperluan. Gambar atas yang di-ambil dalam minggu lalu menunjukkan kerja2 pailing itu maseh di-lakukan.

SITUYU MINGGU INI

BILA BARAMAI-RAMAI ATU ADA TIA KAILANGAN...

ASTAGAH!
MANA KAN DI-UNJAR2...

BAIK JUA BABU-NYA INDA ILANG...

BERWASPADA-LAH BILA MENGHADAPI PERAYAAN.

BALEK DARI HADHIRI JAMBORI PENGAKAP SA-DUNIA DI-AMERIKA



Kerja2 menyiapkan tapak Sekolah Pertukangan sedang berjalan Lanchar

BANDAR BRUNEI. — Persiapan2 bagi tapak sekolah pertukangan dekat Bandar Brunei, telah di-mulakan di-Jalan Muara, dan kerja2nya sedang berjalan dengan lanchar dan memuaskan.

Sekolah2 pertukangan, akan juga di-bina di-daerah Tutong dan Kuala Belait.

Sekolah pertukangan di-Jalan Muara itu, ada-lah salah satu dari tiga buah sekolah pertukangan yang di-chadangkan. Ia-nya akan mengadakan latehan dalam jurusan pertukangan dan penyambong kayu, pertukangan batu bata, membuat barang2 dari plastik, kerja2 mengechat dan menghias, pemasangan paip serta alat2 letrik, dan penuntut2 akan menjalani kursus itu selama tiga tahun.

Menurut Awang G. W. Deakin, penasihat pelajaran teknikal yang merancangkan projek itu, sekolah pertukangan itu juga akan memberikan peluang kepada pelajar2 kerana membaiki diri mereka dalam

lapangan sokan dan olahraga.

Ia-nya akan dilengkappkan dengan kemudahan2 bagi permainan2 dan olahraga, ia-itu sa-bahagian yang terpenting dalam kegiatan di-luar bangku sekolah.

Kata-nya, sekolah pertukangan di-Jalan Muara akan dapat menampung 528 orang pelajar, yang akan diam dalam sa-buah kampus sa-luas 35 ekar.

Di-sepanjang latehan, pelajar2 akan membuat kerja2 praktikal sa-lama empat hari dalam sa-minggu dan kerja2 di-bilek darjah selama satu hari.

Pada tiap2 tahun ia-nya akan mengambil 176 orang pelajar, dan ini akan di-pileh dari mereka Tingkatan Dua sekolah2 menengah aliran Melayu atau Inggeris.

Sekolah tersebut akan mempunyai sa-buah auditorium 600 buah kerusi dan dapat juga digunakan untuk tayangan wa-yang gambar; persembahan



AWANG G. W. DEAKIN

drama, dewan perhimpunan, tempat bermain badminton dan pimpong.

Anggota dan kaki tangan yang mengajar di-sekolah itu, akan diam berhampiran dengan bangunan sekolah. Kawasan itu juga akan meliputi rumah2 kaki tangan yang bekerja sa-bagai buroh kasar.

JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenuhi dua jawatan sa-bagai Bailip Tanah di-Pejabat Tanah, Daerah Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat DYMM Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan semikian.

GAJI:

Dalam sukaan gaji D. 1 - 2 - 3
EB4 - \$210x10 - 270x15 -
360x20 - 480/EB/500x20 -

SA-BAGAI BAILIP TANAH

620. Gaji permulaan ber-gantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKAN2:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon: — Lulus darjah VII dan Form III Inggeris. Keutamaan akan di-beri kapada mereka yang mempunyai pengalaman selama sekurang2nya 3 tahun dalam kerja2 tanah.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti-lah di-penohkan di atas borang2 yang boleh di-perolehi dari pada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kapada Seia Usaha Kerajanan, Brunei, tidak lewat dari pada 20 September, 1967.

BANDAR BRUNEI — Pesurohjaya Penyusun Pengakap Negara, Ak. Tajuddin bin Pg. Ahmad dan Penulong Pesurohjaya Pengakap Daerah Tutong, Awang Metamit bin Iradat telah kembali ka-tanah ayer pada hari Juma'at lepas setelah menghadiri Jambori Pengakap Sa-dunia di-Idaho, Amerika.

Mereka kemudian-nya telah menghadiri Persidangan Pengakap Sa-Dunia di-Seattle dan sidang pengakap Commonwealth di-Vancouver, Canada.

Kedua2 orang pemimpin pengakap itu meninggalkan Brunei menuju ka-Amerika dalam bulan Julai yang lalu.

Gambar di-atas di-ambil ketika di-alu2kan ketibaan mereka di-lapangan terbang Berakas. Yang berkalong bunga di-sebelah kanan itu ia-lah Pg. Tajuddin dan di-sebelah kiri beliau ia-lah Pesurohjaya Pengakap Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan, Awang Shabbuddin bin Saleh, Pesurohjaya Pengakap Daerah Brunei, sementara yang berkalong bunga di-sebelah kiri ia-lah Awang Matamit bin Iradat.

40 terima sijil Bahasa Melayu

KUALA BELAIT — Empat puluh orang pelajar kelas dewasa telah menerima sijil2 kecakapan dalam bahasa Melayu dalam satu upacara tamat pengajian di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dalam minggu lalu.

Kebanyakan yang menerima sijil2 itu terdiri dari orang2 yang bukan Melayu, termasuk beberapa orang wanita.

Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pg. Haji Ismail telah menyampaikan sijil2 tersebut kepada 14 orang pelajar yang berjaya lulus dalam Tingkatan Tiga, darjah yang paling tinggi bagi pelajaran Bahasa Melayu di-ajarkan sa-takat ini di-kelas2 dewasa.

Pengelola Pelajaran Dewasa Melayu, Awang Umur bin Mohammad telah menyampaikan sijil2 kapada 26 orang pelajar yang berjaya lulus darjah rendah.

USOL ADAKAN PESAWAT TELIPON DI-KG. AYER RAWATAN GIGI TIDAK TETAP DI-TEMBURONG

BANDAR BRUNEI — Majlis2 Mashuarat Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong telah mengadakan persidangan bulanan-nya pada hari Sabtu yang lalu.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara telah di-langsungkan di-Dewan Kemerdekaan Bandar Brunei, sementara Majlis Mashuarat Daerah Temburong telah berlangsung di-Bilek Pejabat Daerah Temburong di-Pekan Bangar.

Di-persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei dan Muara sa-banyak empat usol termasuk pemasangan pesawat2 telipon di-Kampong Ayer telah di-luluskan.

Pengiran Mohamad bin Pg. Lahab ketika mengemukakan usol itu berkata, pesawat2 telipon hanya boleh di-dapat di-beberapa buah rumah yang berhampiran dengan Kampong Ayer, di-selatan bandar.

Kawasan2 yang lebuh besar dan lebuh ramai penduduk-nya di-selatan tebing sungai yang lain, sama sekali tidak mempunyai perhubungan telipon.

Pengiran Mohamad berkata, pesawat2 telipon ada-lah mustahak untuk mendapatkan segera bantuan dalam masa che-mas dan kemalangan berat.

Awang Jailani bin Abdul Rahim mengeshorkan supaya di-tubohkan darjah tujuh bagi Sekolah Melayu Sengkurong.

Kata-nya, murid2 di-Sengkurong terpaksa menempoh sa-jauh sa-puloh batu ka-Bandar Brunei kerana darjah tujuh tidak terdapat di-sekolah dalam kampung mereka.

Sidang majlis mashuarat itu telah meluluskan dua usol yang lain yang di-kemukakan oleh Awang Hashim bin Saman. Awang Hashim memohon supaya di-adakan alat2 pemadam api dan peti2 surat dalam kawasan2 yang mana jumlah penduduk-nya memerlukan di-adakan kemudahan sa-rupa itu.

Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar selaku Pengurusi Majlis itu kemudian-nya telah menjawab beberapa soalan yang di-kemukakan oleh para wakil.

Mengenai Ketua Kampong, pengurusi itu berkata, satu pemilihan bagi ketua Kampong Setia Pahlawan Lama akan di-adakan pada penghujung bulan Oktober.

Awang Ali menambah kata, keputusan sidang di-tunggu mengenai shor Pejabat Daerah supaya jawatan kosong bagi ketua Kampong Lorong Sikuna hendak-lah di-penohkan.

Satu lagi usol ia-lah menge-nai apa yang di-katakan penyerahan lesen yang di-luluskan kepada penjual makanan dalam Daerah Brunei/Muara dan kapada penyewa2 gera-i di-Pasar Besar, Bandar Brunei.

Awang Ali menyatakan, penyerahan lesen2 sa-rupa itu hanya boleh di-lakukan oleh Pengurusi Lembaga Majlis Bandaran kerana keadaan2 yang tidak dapat di-elakkan.

Dalam persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong Tuan Haji Abu Bakar bin Bahu telah mengemukakan dua soalan.

Kata-nya, pegawai pergigian kerajaan telah lama tidak me-lawat Bangar dan beliau me-lahirkan perasaan bimbang bahawa kesihatan gigi dalam daerah itu akan menjadi buruk sekira-nya pegawai pergigian tidak berkunjung ka-Bangar sa-chara tetap.

Tuan Haji Abu Bakar ke-mudian-nya telah memohon alasan2 yang telah menghalang chadangan untuk membina sa-buah ampangan di-Ulu Temburong.

Awang Tuah bin Tali ingin mengetahui bilakah kerajaan akan melaksanakan satu cha-dangan untuk membina sa-buah ampangan melintasi Su-nai Batia.

Beliau juga ingin mengetahui bilakah sa-buah stesen pe-manchar radio akan di-dirikan di-Bangar.

Sa-belum dari itu, majlis Mashuarat Daerah Temburong telah meluluskan satu usol menasihatkan Pegawai Daerah supaya mengambil alih tang-

gong jawab terhadap dua buah kolam ayer kecil di-Kampong Duau dan Kampong Puni.

Kolam2 ayer itu pada masa ini ada-lah di-bawah kuasa Jabatan Pemberseh Ayer, JKR.

Tuan Haji Abu Bakar yang mengemukakan usol tersebut telah juga mengusulkan ba-hawa unit bayangan "X" (X-Ray) yang bergerak bagi Jabatan Perubatan hendak-lah di-hantar ka-Bangar untuk meng-X-ray pendudok2 Temburong.

Tuan Haji Abu Bakar telah juga mengusulkan supaya kerajaan melantek sa-orang ketua kaum China di-Temburong.

Kata-nya, pada masa ini tidak terdapat sa-orang Ketua Kaum China dalam daerah itu yang mana kerajaan akan dapat menguruskan perkara2 yang ada hubungan-nya dengan mas-harakat China.

Persidangan Majlis Mashuarat Daerah Temburong itu telah di-pengerusikan oleh Pegawai Daerah, Awang Johari bin Abdul Razak.

\$100,000 kerana membeli baja di-beri perchuma kapada peladang2

BANDAR BRUNEI — Kerajaan telah bersetuju hendak mem-bekalkan baja dengan perchuma kapada peladang2 yang ter-pileh untuk membantu menambahkan hasil pengeluaran beras di-negeri ini.

Ketika mengumumkan perkara ini, Pengarah Pertanian, Awang K. G. Malet berkata, sa-lama tiga musim penanaman yang akan datang, baja perchuma akan di-bekalkan kapada peladang2 yang sawah2-nya mempunyai sa-banyak sedikit kemudahan2 parit dan tali ayer.

Ranchangan itu bertujuan juga untuk membuktikan ka-pada peladang2 bahawa peng-gunaan baja akan mendatangkan hasil yang lumayan dari segi ekonomi dan lebuh meng-unngkan dari hasil penge-luaran yang bertambah itu.

Awang Malet berkata, untuk melanjarkan ranchangan tersebut, kerajaan telah mengada-kan peruntukan sa-banyak \$100,000 kerana membeli baja.

Kata-nya kawasan2 yang ter-pileh bagi musim menanam yang akan datang ini ia-lah Kampong Mulaut, Kilanas, Sengkurong, Tanjung Bunut, di-batu 10, Jalan Tutong dan Kampong Tanah Jambu di-batu 11, Jalan Muara.

Setakat ini, 184 orang dari kawasan2 itu telah bersetuju hendak menyertai ranchangan bantuan baja dengan perchuma

itu.

Di-bawah ranchangan itu, peladang2 akan di-bekalkan dengan baja perchuma bagi satu pertiga dari kawasan yang mereka tanam, dengan sharat kemudahan2 parit dan tali ayer terdapat dalam kawasan2 itu.

Awang Malet menegaskan, jika kemudahan2 ini tidak terdapat maka ada kemungkinan bahawa keburokan-nya ada-lah lebuh besar dari kebaikan yang akan tercapai.

Beliau menyatakan, padi dari jenis jerami pendek yang mengeluarkan hasil yang ba-nyak ada-lah chepat subor jika di-buboh baja dengan banyak-nya tetapi sebalek-nya pula, padi dari jenis2 jerami pan-jang lambat membesar yang terdapat di-negeri ini mungkin akan terbantut penumbuhan-nya jika di-buboh baja terlalu banyak.

*Sambutan hari
keputeraan
D.Y.M.M. ke-51
di-daerah Tutong*

TUTONG — Daerah Tutong akan merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51 sa-lama enam hari mulai dari 26 Sep-tember. Hari Keputeraan Ba-ginda jatoh pada 23 September.

Sa-orang juruchakap Jawa-tankuusa Sambutan Perayaan Hari Keputeraan bagi Daerah Tutong berkata, pesta2 sambutan yang akan di-adakan di-padang Bukit Bendera termasuk-lah pertunjukan2 aneka warna dan kebudayaan, pasar ria, panchak silat, dan Kuntaw.

Sukan ayer akan di-adakan di-Sungai Tutong yang ber-hadapan dengan Pejabat Da-erah dan juga satu perbarisan hari keputeraan pada 30 Sep-tember.

Salah satu dari achara yang menarik dalam pesta2 sambutan itu ia-lah pertandingan ratu kebaya dan pakaian ber-agam bagi pendudok2 Daerah Tutong.

Para peserta dalam pertandingan ratu kebaya hendak-lah berusia lebuh dari 15 tahun dan borang2 masok ka-per-tandingan itu hendak-lah sam-pai kapada Setiausaha Pertandingan Ratu Kebaya di-alamat Jabatan Penyiaran dan Pene-rangan Tutong, tidak lewat dari 18 September.

Tawaran pembinaan Musium Brunei

BANDAR BRUNEI — Pe-nyelenggara Musium Brunei, Pengiran Sharifuddin telah mengumumkan bahawa pembinaan musium baru akan di-ke-mukakan kapada tawaran pada bulan depan.

Musium baru itu akan di-tempatkan di atas bukit, di-Kota Batu memandang ka-arah Sungai Brunei. Ia-nya di-anggarkan menelan be-lanja kira2 \$2½ juta dan di-jangka akan siap pembinaan-nya dalam tahun 1969 atau awal tahun 1970.

Pengiran Sharifuddin berkata, kaki-tangan yang berkelulusan akan bertugas di-situ dan beberapa orang pegawai-nya sekarang sedang menjalani latihan di-seberang laut.

Kata-nya, tingkat bawah bangun-an itu akan di-tempatkan bielek2 pentadbiran, perpustakaan buku2 ru'j dan setor untuk berbagai2 bahan yang di-kumpulkan oleh museum.

Sementara tingkat pertama akan di-bahagikan dua bahagian kerana memamerkan kepentingan seja-rah, bahan2 purba dan kebudayaan kebanggaan serta ethnography.